

19/08/2003

WTO diminta hormati prinsip dagangan adil

KUALA KANGSAR: Malaysia berdiri teguh dengan Kenyataan Ezulwini pada Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID)-Global 2003 mengenai keperluan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) diubah suai bagi mewujudkan arus perdagangan global yang seimbang.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, kenyataan bersama pemimpin pada sesi dialog di Ezulwini, Swaziland itu perlu dijadikan peringatan supaya WHO tidak lari daripada prinsip amalan perdagangan adil.

"Mereka perlu merujuk kepada prinsip asas jika mahu perundingan yang adil dalam WTO," katanya ketika diminta mengulas Kenyataan Ezulwini yang dikeluarkan pada akhir dialog lima hari itu pada 16 Ogos lalu.

Rafidah berkata, beliau akan mengemukakan perkara itu ketika menghadiri mesyuarat peringkat menteri WTO di Cancun, Mexico, bulan depan.

Katanya, Malaysia sudah menganalisis kos dan faedah setiap isu yang akan dibincangkan ketika mesyuarat itu dan tidak akan menyokong sebarang keputusan yang boleh memberi kesan negatif kepada negara.

Beliau berkata, setiap perbincangan dalam mesyuarat WTO perlu mengambil kira prinsip asas, termasuk keseimbangan kepentingan di kalangan rakan niaga serta kemudahan bagi negara membangun melaksanakan peraturan berkaitan perdagangan baru.

Rafidah juga berkata, mesyuarat itu perlu memberi tumpuan mengenai keperluan asas negara dunia ketiga bagi membolehkan mereka mendapat pasaran yang lebih besar dalam perdagangan dunia.

"Kita sepatutnya memberikan mereka peluang lebih besar kepada negara kecil untuk memasarkan produk pertanian kerana ada jurang besar negara maju seperti Amerika Syarikat (AS) dan Jepun," katanya.

Rafidah berkata, Malaysia juga tidak bersetuju keputusan AS mengenakan syarat supaya semua negara perlu menyediakan senarai pelesenan wajib bagi wabak utama sebelum sesuatu vaksin dijual kepada negara berkenaan.

Beliau berkata, syarat itu menjadi penghalang kepada negara membangun untuk mendapatkan ubatan pada harga yang berpatutan.

"Kita sepatutnya menyediakan senarai ringkas wabak utama, termasuk Aids dan menghantar senarai lengkap kemudian," katanya.

Sementara itu, Rafidah menggesa sektor swasta negara meluaskan skop pasaran ke negara luar yang bukan rakan dagang utama negara.

Beliau berkata, ahli perniagaan dan usahawan yang menyertai rombongan lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke beberapa negara Afrika dan Timur Tengah perlu merebut peluang untuk bertapak di sana.